

79/1
Kemahiran
Hidup Bersepadu
Perdagangan &
Keusahawanan
Ogos 2012
1½ jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
PENILAIAN MENENGAH RENDAH
NEGERI PERAK 2012

KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU
PERDAGANGAN & KEUSAHAWANAN


Satu jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih SATU jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan anda. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan kemudian **hitamkan** pilihan anda yang baru.*
5. *Kalkulator mudah boleh digunakan.*

Kertas soalan ini mengandungi 20 halaman bercetak.


- 1 Rajah 1 menunjukkan pengkelasan alat pemadam api.



RAJAH 1

Apakah bahan dalam alat pemadam api itu?

- A Air
B Buih
C Serbuk kering
D Karbon dioksida
- 2 Susun langkah proses mereka cipta mengikut urutan yang betul?
- I Perekaan projek
II Pendokumentasian
III Pengenalpastian masalah
IV Perancangan pembinaan projek
- A I, III, II, IV
B I, IV, III, II
C III, I, IV, II
D III, I, II, IV
- 3 Apakah tujuan menyediakan jadual kerja dalam proses mereka cipta?
- A Mengurangkan kos bahan
B Memudahkan kerja pengujian
C Memudahkan kerja pentadbiran
D Memastikan projek siap dalam tempoh yang ditetapkan
- 4 Rajah 2 menunjukkan faktor-faktor yang mesti diambil kira semasa melaksanakan satu proses dalam mereka cipta.




RAJAH 2

Apakah proses X?

- A Pemilihan idea
B Perekaan projek
C Pembinaan projek
D Pengenalpastian masalah


- 5 Rajah 3 menunjukkan reka bentuk satu projek reka cipta.



RAJAH 3

Apakah jenis pengikat yang paling sesuai digunakan untuk mencantumkan dengan kukuh bahan projek itu?

- A Glu
 - B Skru
 - C Paku
 - D Ribet
- 6 Rajah 4 menunjukkan carta aliran dalam satu proses mereka cipta.




RAJAH 4


Apakah proses itu ?

- A Perancangan projek
- B Pemilihan projek
- C Perekaan projek
- D Pencetusan idea

7 Antara berikut, alat manakah perlu digunakan bersama pahat tepi serong semasa kerja membina tanggam?




8 Antara berikut yang manakah tolok serong?



9 Antara berikut, padanan yang manakah betul?


	Bahan Kemasan	Bahan Projek
A	Varnis	Perspek
B	Cat licau	Kayu
C	Syelek	Logam
D	Tona kayu	PVC

10 Rajah 5 menunjukkan sekeping papan yang telah ditandakan dengan X untuk pemotongan.




RAJAH 5

Antara berikut, yang manakah sesuai digunakan untuk memotong bentuk itu?




- 11 Rajah 6 menunjukkan sebuah bekas penyimpan alat tulis.



RAJAH 6

Apakah bahan yang paling sesuai bagi X?


- A Perspek
 - B *Mounting Board*
 - C *Polyvinyl chloride (PVC)*
 - D *Medium density fibre board (MDF)*
- 12 Rajah 7 menunjukkan bahagian motor arus terus.



RAJAH 7

Apakah X?

- A Berus karbon
 - B Magnet kekal
 - C Gelung angker
 - D Penukartertib (*commutator*)
- 13 Rajah 8 menunjukkan litar skematik pendawaian lampu pendarfluor.




RAJAH 8

Apakah X?

- A Cok
- B Fius
- C Suis penghidup
- D Pemegang tiub

14 Rajah 9 menunjukkan kadar tarif dan bacaan meter kWj.



Bacaan meter kWj bulan Jun

Unit	Kadar
200 pertama	0.218
800 berikutnya	0.258


Kadar tarif

RAJAH 9

Hitungkan kos penggunaan tenaga elektrik jika bacaan meter kWj bulan Julai ialah 00884?

- A RM 55.90
- B RM 65.01
- C RM 66.82
- D RM 75.85

15 Rajah 10 menunjukkan pendawaian plag 3 pin 13 Ampere.



RAJAH 10

Apakah kod warna wayar yang betul bagi tamatan P, Q dan R?

	Tamatan P	Tamatan Q	Tamatan R
A	Hijau / kuning	Perang	Biru
B	Hijau / kuning	Biru	Perang
C	Biru	Hijau / kuning	Perang
D	Perang	Biru	Hijau / kuning


16 Antara berikut, manakah pasangan yang betul?

	Simbol	Fungsi
A		Bertindak sebagai suis dan meninggikan arus elektrik
B		Menyimpan dan membuang cas elektrik
C		Mengawal pengaliran arus elektrik
D		Menukar tenaga elektrik kepada tenaga cahaya


17 Antara berikut, komponen yang manakah perlu dipasang mengikut kekutuban yang betul dalam litar?




I



II



III




IV

- A I dan II
- C II dan III


- B I dan IV
- D III dan IV

18 Rajah 11 menunjukkan hasil pematerian pada bod litar.




RAJAH 11


Apakah alatan yang paling sesuai digunakan untuk memotong kaki komponen yang berlebihan?



A



B




C



D

19 Rajah 12 menunjukkan litar bersepadu NE 555.




RAJAH 12

Antara berikut yang manakah pin nombor 2?

- A P
- C R

- B Q
- D S


20 Rajah 13 menunjukkan litar skematik satu projek elektronik.




RAJAH 13

Antara berikut komponen manakah yang TIDAK terdapat di dalam litar itu?


A




B




C



D




21 Rajah 14 menunjukkan sebahagian penyambungan paip PVC.




RAJAH 14

Antara berikut, manakah penyambung paip yang sesuai digunakan pada bahagian X?


A




B




C



D




22 Rajah 15 menunjukkan pemasangan paip pada tangki simpanan air di rumah.




Apakah paip X ?

- A Paip cuci
- B Paip agihan
- C Paip limpah
- D Paip perkhidmatan


23 Rajah 16 menunjukkan satu pandangan sebuah objek.




Antara berikut alatan yang manakah perlu digunakan untuk melukis garisan X?




24 Rajah 17 menunjukkan pandangan sisi sebuah bungkah.



Antara berikut, yang manakah bungkah itu?




25 Rajah 18 menunjukkan lukisan unjuran ortografik sebuah objek.




RAJAH 18

Apakah rupa bentuk objek itu?


A




B




C



D



26 Rajah 19 menunjukkan sejenis jahitan.



RAJAH 19


Apakah jenis jahitan itu?

- A Suji bilang
- B Insang pari
- C Jelujur halus
- D Silang pangkah

27 Antara berikut yang manakah hidangan sepinggan lengkap cara timur?

- A Pizza
- B Burger
- C Bubur kacang
- D Kuetiau goreng

28 Rajah 20 menunjukkan satu ruang tempat kediaman.



RAJAH 20

Apakah fungsi ruang itu?

- A Tempat menjamu selera
- B Tempat mengemas pakaian
- C Tempat menonton televisyen
- D Tempat membersihkan diri

29 Apakah tujuan membuang daun berlebihan pada keratan batang?


- A Mengurangkan kehilangan air daripada batang
- B Menggalakkan pertumbuhan akar dengan segera
- C Mengelakkan keratan tumbang setelah ditanam
- D Mengurangkan serangan penyakit dan perosak

30 Apakah fungsi pasir sungai dalam medium semaian?


- A Membekalkan nutrien
- B Membaiki pengudaraan dan saliran
- C Mengekalkan kelembapan medium
- D Mempercepatkan pertumbuhan daun

31 Antara berikut yang manakah merupakan kehendak manusia?

A




B



C



D



32 Berikut adalah pernyataan tentang sejenis alat pembayaran masa kini.

- Belian yang dibuat oleh pembeli akan dibayar oleh syarikat kewangan kepada penjual.
- Pembeli akan membuat pembayaran secara ansuran atau sekali gus kepada syarikat kewangan tersebut.

Apakah alat pembayaran tersebut?

- A Cek
- B Kad kredit
- C Kad prabayar
- D Pembayaran elektronik (e-pay)

33 Berikut adalah ciri-ciri sejenis milikan perniagaan.

- Mudah ditubuhkan
- Hubungan pemilik dengan pelanggan rapat
- Pemilik menikmati semua keuntungan

Antara berikut, perniagaan yang manakah memenuhi ciri-ciri perniagaan itu?

- A Kedai Runcit Ahmad
- B Klinik Ahmad dan Aminah
- C Syarikat Berjaya Sdn. Bhd.
- D Koperasi Taman Bersatu Berhad.

34 Gambarajah menunjukkan bentuk perniagaan perkhidmatan.

I

POSLAJU
NATIONAL COURIER


II


Takaful
IKHLAS

III



IV



Perniagaan yang manakah terlibat dalam bidang khidmat nasihat?

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

35 Susun langkah menubuhkan perniagaan mengikut urutan yang betul?

- I Mendaftar perniagaan
- II Merancang perniagaan
- III Mendapatkan lesen perniagaan
- IV Mendapatkan modal perniagaan

- A III, II, I, IV
- B II, I, IV, III
- C III, IV, I, II
- D II, I, III, IV

36 Pernyataan berikut menerangkan satu bentuk bantuan perniagaan.

Azman adalah seorang peniaga yang berjaya. Walau bagaimanapun perniagaannya tetap menghadapi pelbagai risiko kecurian.

Apakah bantuan perniagaan itu?

- A Promosi
- B Insurans
- C Perbankan
- D Komunikasi

37 Jadual 1 menunjukkan penyata aliran tunai sebuah perniagaan.

Penyata Aliran Tunai (bagi tempoh 2 bulan) berakhir 30 Jun 2012

Bulan Butir	Januari	Februari
Penerimaan		
Baki b/b	1520	1008
Jualan tunai	340	1143
Penghutang	425	755
	2285	2906
Perbelanjaan		
Pemiutang	740	595
Gaji	450	495
Elektrik	87	87
	1277	1177
Baki h/b	1008	Y

JADUAL 1

Berapakah nilai Y?

- A RM 721
- B RM 1 729
- C RM 4 083
- D RM 7 645

38 Rajah 21 menunjukkan sejenis dokumen perniagaan.

PERNIAGAAN AL-HUSNA NO 1 JALAN PEJABAT POS 31000 BATU GAJAH PERAK		No: 0004
RESIT RASMI		Tarikh : 10 Julai 2012
Diterima daripada :	En Zakaria bin Ahmad	
Ringgit :	Satu ribu satu ratus sembilan puluh tujuh sahaja	
Untuk bayaran :	Invois No. A0001 (setelah ditolak diskaun tunai RM63)	
Tunai/No. Cek:	CIMB 104205	
<i>.....Amana.....</i>		
Pengurus		

RAJAH 21

Apakah jenis urus niaga yang dijalankan?

- A Tunai
- B Kredit
- C Sewa beli
- D Prabayar

39 Antara berikut yang manakah ciri khusus insurans Islam?

- A Sebagai penanggung risiko
- B Premium dibayar oleh peserta
- C Pelaburan boleh dilakukan dalam semua jenis perniagaan
- D Keuntungan dibahagikan antara peserta dan syarikat insurans

40 Berikut adalah pernyataan tentang sejenis dokumen perniagaan.

Dokumen yang dihantar oleh pembekal kepada peniaga bersama-sama barang yang dipesan.


Apakah dokumen perniagaan itu?

- A Resit
- B Invois
- C Nota Kredit
- D Nota Serahan

41 Dalam faktor pengeluaran, apakah bentuk ganjaran yang diterima oleh usahawan?

- A Sewa
- B Upah
- C Faedah
- D Keuntungan

42 Rajah 22 menunjukkan sejenis aktiviti pengeluaran.






RAJAH 22

Apakah bidang pengeluaran itu?

- | | |
|---------------|----------------|
| A Ekstraktif | B Pembinaan |
| C Perkilangan | D Perkhidmatan |

43 Antara berikut, yang manakah stok gerak pantas bagi sebuah kedai runcit?



44 Berikut adalah maklumat tentang seorang usahawan

Puan Aminah mencipta resepi baru yang lebih enak di restorannya.

Apakah ciri usahawan itu?

- | | |
|-------------------------|---------------------------|
| A Kreatif | B Inovatif |
| C Daya usaha berterusan | D Bijak mengambil peluang |

45 Rajah 23 menunjukkan logo sebuah agensi kerajaan.



RAJAH 23

Apakah peranan agensi itu?

- | | |
|---------------------------------|---------------------------------------|
| A Menyediakan prasarana | B Memberi pinjaman kewangan |
| C Memberi bimbingan dan latihan | D Menjalankan kajian dan penyelidikan |


- 46 Penyataan berikut menerangkan satu aktiviti perniagaan.

Menyalurkan barang atau perkhidmatan daripada pengeluar kepada pengguna akhir.

Apakah aktiviti tersebut?

- A Jualan
B Pemasaran
C Permintaan
D Pengeluaran

- 47 Rajah 24 merujuk kepada elemen campuran pemasaran.



RAJAH 24

Apakah Q?

- A Lokasi
B Modal
C Promosi
D Pengangkutan

- 48 Apakah peranan Persatuan Pengguna dalam melindungi hak dan kepentingan pengguna?

- A Menggubal undang-undang
B Menkuatkuasakan undang-undang
C Menerima dan menyiasat aduan
D Menyelaras kepentingan pengguna

- 49 Apakah maksud simpan kira?

- A Cara menyimpan rekod perniagaan
B Cara mengimbang dan menutup akaun
C Cara merekod urus niaga secara sistematik
D Cara mencatat urus niaga dalam dua akaun yang berlainan

- 50 Berikut adalah satu urus niaga.

En Muthu seorang peniaga membeli van dengan cek RM 43 000 untuk kegunaan perniagaannya.

Manakah catatan bergu yang betul?

	Debit	Kredit
A	Akaun Kenderaan	Akaun Bank
B	Akaun Kenderaan	Akaun Belian
C	Akaun Bank	Akaun Belian
D	Akaun Bank	Akaun Kenderaan

51 Berikut adalah maklumat daripada Akaun Tunai

Akaun Tunai							
			RM				RM
Ogos	1	Baki b/b	5600	Ogos	10	Belian	2000
	5	Jualan	2300		19	Sewa	3300
					28	Insurans	900
					31	Baki h/b	X
			<u>7900</u>				<u>7900</u>

Berapakah nilai X?

- A RM 1500
- B RM 1600
- C RM 1700
- D RM 2300

52 Berikut adalah satu urusaniaga Perniagaan Osman.

Jan 10 - Belian kredit RM 500 dari Pembekal Mutiara.

Pilih catatan bergu yang betul?

A

Akaun Belian			
Jan 5 Pembekal Mutiara	500		
Pembekal Mutiara			
		Jan 5 Belian	500

B

Akaun Belian			
Jan 5 Belian	500		
Pembekal Mutiara			
		Jan 5 Jualan	500

C

Akaun Belian			
Jan 5 Pembekal Mutiara	500		
Akaun Jualan			
		Jan 5 Belian	500

D

Pembekal Mutiara			
Jan 5 Jualan	500		
Akaun Jualan			
		Jan 5 Pembekal Mutiara	500

53 Antara berikut, yang manakah ekuiti pemilik?

- A Modal
- B Stok akhir
- C Pemiutang
- D Penghutang

54 Apakah tujuan Imbangan Duga disediakan?

- A Merekod urus niaga
- B Menguji ketepatan pengiraan
- C Mengira untung atau rugi perniagaan
- D Menunjukkan kedudukan kewangan

55 Antara berikut manakah petikan Imbangan Duga yang betul?

A

Imbangan Duga Pada 31 Mac 2012	
Tunai	Modal
Bank	Gaji

B

Imbangan Duga Pada 31 Mac 2012	
Modal	Tunai
Gaji	Bank

C

Imbangan Duga Pada 31 Mac 2012	
Jualan	Insurans
Overdraf Bank	Kenderaan

D

Imbangan Duga Pada 31 Mac 2012	
Insurans	Jualan
Kenderaan	Overdraf Bank

56 Berikut adalah Akaun Perdagangan Perniagaan Amalina

Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2012			
Stok awal	400	Jualan	1 200
Belian	800		
	1 200		
Stok akhir	450		
X	750		
Y	450		
	1 200		1 200

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Untung Bersih	Kos Barang Untuk Dijual
B	Untung Kasar	Kos Jualan
C	Kos Jualan	Untung Kasar
D	Kos Barang Untuk Dijual	Untung Bersih

57 Maklumat berikut dipetik daripada buku Kedai Maria.

Butiran	RM
Untung kasar	30 000
Gaji	6 000
Sewa	2 000
Faedah diterima	2 000
Komisen diterima	1 000

Kirakan untung bersih?

- A RM 19 000
- B RM 25 000
- C RM 33 000
- D RM 35 000

58 Berikut adalah maklumat yang dipetik daripada buku Perniagaan Salmah.

Butiran	RM
Bank	8 000
Penghutang	2 000
Bangunan	60 000
Lengkapan	3 000

Hitungkan jumlah Aset Bukan Semasa Perniagaan Salmah?

- A RM 10 000
- B RM 60 000
- C RM 63 000
- D RM 73 000

59 Berikut adakah maklumat yang dipetik daripada Buku Perniagaan Suri.

Kunci Kira-kira pada 31 Mac 2012	
P	Q
Perabot	Modal
R	S
Tunai	Pinjaman bercagar

Apakah R?

A	Ekuiti Pemilik
B	Liabiliti Semasa
C	Aset Semasa
D	Aset Bukan Semasa

60 Maklumat berikut menunjukkan Kunci Kira-kira bagi sebuah perniagaan.

Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2011			
Kenderaan	6 000	Modal	8 000
Alatan Pejabat	2 000	Untung Bersih	3 000
Stok Akhir	4 000		11 000
Tunai	1 800	Ambilan	100
			10 900
		Pemiutang	900
		Overdraf bank	2 000
	<u>13 800</u>		<u>13 800</u>

Berdasarkan Kunci Kira-kira di atas, berapakah jumlah Liabiliti Semasa?

- A RM 2 900
- B RM 10 900
- C RM 11 000
- D RM 13 800

KERTAS SOALAN TAMAT